

**NO SOALAN :14****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN  
(INDERA MAHKOTA)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 27.11.2017****Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [ INDERA MAHKOTA ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk mengkaji semula dasar sama ada Kerajaan patut terlibat dalam aktiviti perniagaan dan jika tiada mengapa, kerana kebanyakan syarikat Kerajaan mengalami kerugian dan mencemarkan imej Kerajaan itu sendiri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2011, Kerajaan telah melancarkan Inisiatif Pembaharuan Strategik (*Strategic Reform Initiatives* - SRI) dengan salah satu inisiatif adalah untuk mengurangkan peranan Kerajaan dalam perniagaan (*Government Role in Business* - GRiB). Inisiatif ini adalah

bertujuan untuk mencapai tiga (3) matlamat utama iaitu mengelakkan *crowding out* sektor swasta, meningkatkan kecairan pasaran modal dan meningkatkan kebolehlaburan (*investability*) dalam pasaran saham untuk menggalakkan pelaburan swasta (*private investment*).

Walaupun bagaimanapun, pelaburan Kerajaan masih diperlukan terutamanya bagi sektor strategik, sektor yang menghadapi kegagalan pasaran (*market failure*) atau dalam menjayakan pelaksanaan dasar dan program Kerajaan. Antara objektif pelaburan ekuiti oleh Kerajaan boleh diringkaskan seperti berikut:

- a. Mengekalkan kepentingan Kerajaan dalam sektor strategik;
- b. Menyediakan khidmat sosial kepada rakyat seperti perkhidmatan pengangkutan awam (bas, rel dan sebagainya) dan utiliti (bekalan air, elektrik dan perkhidmatan pembetungan);
- c. Menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan teknologi; dan
- d. Menarik pelabur tempatan dan asing melabur dalam bidang khusus yang bernilai tinggi seperti bioteknologi dan teknologi maklumat.